

**Persatuan Bekas Polis Negeri Kedah Gesa Kerakyatan Mat Sabu Dilucut  
Bernama  
7 September 2011**

KULIM, 7 Sept (Bernama) -- Persatuan Bekas Polis Negeri Kedah (PBPNK) menggesa agar kerakyatan Timbalan Presiden PAS Mohamad Sabu dilucut susulan kenyataannya bahawa pengganas komunis wira sebenar dalam tragedi Bukit Kepong.

Pengerusinya Sharif Kontan berkata kenyataan pemimpin PAS yang dikenali sebagai Mat Sabu itu bukan sahaja biadap tetapi juga melukakan hati lebih 5,000 anggota PBPNK.

"Bukan sahaja bekas polis golongan Melayu sahaja yang merasakannya tetapi kalangan masyarakat India dan Cina juga ikut terasa dan mengecam dakwah palsu Mat Sabu itu," katanya kepada Bernama selepas membuat laporan polis di Ibu Pejabat Polis Daerah Kulim, Selasa.

Sementara itu, Pertubuhan Pribumi Perkasa Malaysia (Perkasa) cawangan Kulim yang turut membuat laporan sama pada Isnin, berkata kenyataan Mat Sabu bertujuan menghasut rakyat agar menentang kerajaan.

"Kami yakin semangat inilah yang cuba ditimbulkan Timbalan Presiden PAS itu dan kenyataannya itu amat berbahaya kepada keselamatan negara dan sewajarnya tindakan Mat Sabu ini perlu disekat atau pun dikenakan tahanan ISA (Akta Keselamatan Dalam Negeri) atau seumpamanya," kata Pengerusinya Hamid Othman

Beliau juga berharap Kementerian Dalam Negeri tidak berdiam diri dan mengambil tindakan sewajarnya terhadap pemimpin PAS itu.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsgeneral.php?id=611959>